# PENGURUSAN DAN KEPIMPINAN GURU BESAR
# MENUJU KE ARAH
# PEMBENTUKAN KECEMERLANGAN
# KURIKULUM DAN KO-KURIKULUM
# DI SEBUAH SEKOLAH GRED A
# DI PINGGIR BANDAR KLANG

OLEH
LIEW SWEE PHENG
GURU BESAR
SJK (C) KONG HOE
41300 KLANG

SATU LAPORAN KAJIAN

DISERAHKAN KEPADA
INSTITUT AMINUDDIN BAKI
BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT
UNTUK MEMPEROLEHI

DIPLOMA PENGURUSAN DAN KEPIMPINAN
PENDIDIKAN
1998/1999

129773
129773

# ABSTRAK

Laporan ini bertujuan untuk menghuraikan cara pengurusan dan stail kepemimpian Guru Besar Sandaran SS 24/99 ke arah pembentukan kecemerlangan sekolah dalam kurikulum , kokurikulum , pentadbiran pejabat , sumber tenaga dan penyelesaian masalah .

Melalui pemerhatian selama tiga minggu di sekolah Sandaran ini telah memberi peluang kepada saya untuk menyaksikan bagaimana sebuah organisasi/institusi dapat berubah dari sebuah sekolah yang kecil pada tahun 70 an , kini meningkat menjadi salah satu sekolah yang terkenal di Daerah Klang ini .

Tumpuan khas diberi kepada program khas sekolah Sandaran ini iaitu program kelas komputer yang dilaksana pada tahun ini . Tumpuan ini bertujuan untuk mendapat maklumat tentang pengurusan dari strategi peningkatan proses pembelanjaan dan pengajaran komputer di sekolah .

Ganjaran dan penghargaan PIBG dan Lembaga Pengurusan sekolah juga memberi galakan yang berkesan supaya murid – murid dapat berusaha dan mencapai perstasi kecemerlangan dalam aktiviti kurikulum dan kokurikulum .

Melalui program ini saya dapat memperlengkapkan diri saya dengan pelbagai ilmu pengetahun pengurusan sekolah . Saya harap saya akan menjalankan tugas saya dengan lebih sistematik , berkesan , efesien dan berdinamik .